

Perang Syria ragut 306,887 nyawa

DAMASCUS, SYRIA – Seramai 306,887 orang awam telah terbunuh dalam perang di Syria sejak Mac 2011, iaitu kira-kira 1.5 peratus daripada populasi negara itu sebelum perang bermula, demikian menurut laporan Pejabat Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Menurut akhbar *Arab News*, laporan itu diterbitkan berdasarkan lapan sumber maklumat yang meliputi 10 tahun pertama konflik bermula sejak 1 Mac 2011 hingga 31 Mac 2021.

Secara purata, 83 kematian direkodkan setiap hari dengan 18 daripadanya melibatkan kanak-kanak.

“Angka korban orang awam dalam tempoh 10 tahun yang lalu mewakili 1.5 peratus daripada jumlah penduduk Syria sejak



SEORANG lelaki berdiri berhampiran serpihan serangan peluru dan kesan darah di bandar Aleppo pada 12 Januari 2020. – AFP

permulaan konflik.

“Ini menimbulkan kebimbangan serius mengenai kegagalan banyak pihak dalam konflik un-

tuk menghormati norma undang-undang kemanusiaan antarabangsa mengenai perlindungan orang awam,” kata laporan PBB.

Tambah laporan sama, anggaran itu dianggap mewakili sebahagian daripada jumlah keseluruhan kematian kerana ia hanya melibatkan rakyat yang mati secara langsung akibat perang.

Bilangan orang awam yang meninggal dunia secara tidak langsung termasuk faktor kekurangan akses kepada makanan atau air dan kematian bukan sivil bagaimanapun tidak diambil kira.

Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Hak Asasi Manusia, Michelle Bachelet berkata, analisis terbaharu itu mendedahkan tahap keterukan dan skala konflik dengan lebih jelas.

“Kesan pembunuhan 306,887 orang awam ini akan memberi impak mendalam dan ‘lantang’ kepada ahli keluarga serta masyarakat,” kata beliau.

Sementara itu, dalam laporan berasingan, PBB memaklumkan bahawa lebih 100 orang dengan kebanyakannya wanita telah dibunuh di kem Al-Hol di timur laut Syria sejak 18 bulan lalu.

“Kem itu semakin tidak selamat dan kanak-kanak di sana hidup tanpa masa depan,” kata penyelaras penduduk PBB di Syria, Imran Riza.

Al-Hol adalah sebuah kemudahan tahanan sementara yang menempatkan kira-kira 56,000 orang yang kebanyakannya rakyat Syria dan Iraq dengan sebahagian daripadanya dikatakan mengekalkan hubungan dengan Daesh.

“Ia adalah tempat yang sangat kejam. Terdapat banyak keganasan berasaskan jantina dan kawasan larangan,” kata Imran. – AGENSI

ORANG ramai mencari mangsa yang terselamat di sebalik runtuhan selepas serangan udara di bandar Saqba pada 4 April 2017. – AFP

